MODUL PENDIDIKAN SIVIK
DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Keluarga Bertanggungjawab, Keluarga Bahagia

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Konteks: Keluarga

Masa: 1 jam

SK: 2.3 Tanggungjawab Diri dalam Keluarga

SP: 2.3.3 Merumus kepentingan melaksanakan diri dalam keluarga

2.3.4 Menghuraikan kesan mengabaikan tanggungjawab diri terhadap keluarga

Literasi Sivik

Pengetahuan:
Memahami tanggungjawab anggota keluarga

Sosioemosi:
Menunjukkan perasaan gembira dan bangga apabila dapat melaksanakan tanggungjawab diri dalam keluarga

Tindakan:
Mengambil tindakan untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Setiap murid diminta untuk menulis tentang salah seorang ahli keluarga dan tanggungjawab yang dilakukan.
2. Kertas-kertas ini akan dimasukkan ke dalam sebuah bekas.
3. Selepas itu, seorang murid akan dipilih untuk membaca kandungan kertas yang dipilih secara rawak.
4. Murid yang menulis kertas tersebut akan diminta untuk memberikan ringkasan tentang ahli keluarga tersebut di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid-murid akan menggunakan kertas warna, kad manila dan bahan kreatif lain untuk membina salasilah keluarga mereka.
2. Mereka perlu menambahkan nama dan hubungan dalam salasilah keluarga tersebut.
3. Mereka menjelaskan tanggungjawab yang dijalankan oleh setiap ahli keluarga.
4. Selepas itu, murid diarahkan membuat perbandingan salasilah keluarga mereka dengan rakan-rakan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan.

Refleksi: *(Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran)*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.